

## MCPG gesa mansuh harga siling topeng muka

**GEORGETOWN** - Persatuan Farmasi Komuniti Malaysia (MCPG) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memansuhkan sementara harga siling topeng muka serta melarang pengeksporan barangan itu dari Malaysia.

Presiden MCPG, Loyy Beh berkata, permintaan itu bagi memastikan terdapat bekalan topeng muka yang mencukupi di Malaysia ketika penularan jangkitan koronavirus (Covid-19).

"Berikutan jangkitan Covid-19 di Malaysia, penjualan topeng muka meningkat tiga kali menyebabkan kekurangan bekalan, selain pengeluar mengeksport produk ini pada harga yang tinggi," dakwanya pada sidang media di sini semalam. - *Bernama*

